

FAQ

PROGRAM DIALOG MENGENAI PERJANJIAN PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK

(TPPA)

1 DISEMBER 2015

1. **Khuatir dalam perbincangan TPPA dan memohon dengan Kerajaan untuk tidak terperangkap dengan janji yang dibuat oleh Negara maju di dunia ketika perundingan dan perbincangan. Ingin mengetahui sejauh mana Kerajaan menangani masalah berfikir yang bijak dalam apa jua keputusan yang akan dibuat?**
 - Kerajaan telah menandatangani banyak perjanjian, dan antara perkara yang diambil kira dalam rundingan adalah memberi keutamaan kepada kepentingan Negara, kedaulatan serta berlandaskan mandat yang diberi oleh Kerajaan. Apa yang penting adalah untuk membina keyakinan diri, mesti berani serta mesti proaktif agar kita dapat terus bersaing menghadapi cabaran dunia global.

2. TPP mungkin membawa lebih kebaikan kepada mereka yang mempunyai perniagaan tetapi apakah impak kepada rakyat di mana Visi 2020 pendapatan per kapita dijangka sebanyak USD15000.

- i. Adakah akan menolong mempercepatkan pencapaian pendapatan per kapita?**
 - ii. Adakah kuasa pembelian (*purchasing power*) rakyat Malaysia dengan kuasa pembelian kuasa rakyat TPP lain seperti contoh Amerika Syarikat akan sama?**
- Sebagai contoh keterbukaan ekonomi China telah menggalakkan pelaburan asing serta perdagangan dan ini telah menyebabkan peningkatan pendapatan per kapita dan kuasa pembelian rakyat negeri China.
 - Bagi Malaysia kesan daripada TPPA akan dapat dilihat sekitar tahun 2020 selepas mulanya pelaksanaan TPPA.

3. Ubatan generik adalah perlu sekiranya kita ingin menamatkan AIDS. Terdapat kajian akademik mengenai perjanjian TRIPS-plus dan juga perjanjian lain yang telah menunjukkan kelewatan akan berlaku (seperti contoh Guatemala dan Thailand) bagi kemasukan ubat generik. Namun MITI berpendapat bahawa TPPA tidak akan memberi kesan kepada kemasukan ubat generik. Bagaimana MITI menyelaraskan penemuan hasil kajian yang berbeza ini?

- Isu-isu yang dibangkitkan perlu dilihat daripada konteks negara-negara tersebut kerana sistem yang diamalkan oleh negara-negara tersebut serta komitmen yang dipersetujui dalam perjanjian mereka adalah berbeza-beza. Sebagai contoh, sekiranya negara seperti Guatemala dan Thailand memberikan komitmen yang akan mengubah amalan sedia ada mereka, maka ia mungkin akan memberikan kesan.
- Namun, adalah penting supaya fokus diberikan kepada perjanjian TPP dan amalan sedia ada Malaysia kerana perjanjian TPP mengekalkan peruntukan-peruntukan penting untuk Malaysia. Sebagai contoh, di bawah TPP terdapat peruntukan khusus untuk Malaysia iaitu *access window* yang mewajibkan syarikat farmaseutikal mendaftar ubat-ubatan mereka untuk memohon perlindungan di Malaysia dalam tempoh 18 bulan selepas ubat didaftarkan dalam negara asal. Melalui kaedah ini, Malaysia dapat memastikan amalan sedia ada untuk menggalakkan kemasukan ubat baru ke Malaysia dapat dikekalkan,

serta pada masa yang sama mengelakkan kelewatan kemasukan ubat-ubatan generik .

4. Mengapakah terdapat perbezaan pendirian asal di mana Malaysia telah mohon agar tembakau dikecualikan dari TPPA; berbanding apa yang dipersetujui di bawah TPPA, iaitu *carve out* tembakau dari ISDS dan bukan dari keseluruhan perjanjian TPPA.

- Memandangkan rundingan TPPA melibatkan banyak Negara, terdapat beberapa perkara yang perlu dikompromi. Kita telah membuat rundingan mengenai tembakau namun kita tidak mendapat persetujuan menyeluruh mengenai *carveout* bagi tembakau. Namun begitu, ini tidak menyebabkan lambakan tembakau atau isu vaping kerana terdapat dasar-dasar sedia ada (seperti WHO) yang akan memastikan kawalan terhadap tembakau.

5. Adakah terdapat tempoh masa bagi pelaksanaan TPPA di Malaysia? Apakah yang akan berlaku sekiranya terdapat perubahan Kerajaan di Malaysia? Apakah yang akan berlaku sekiranya Kerajaan baru tidak bersetuju dengan perjanjian tersebut dan ingin menarik diri?

- Terdapat klausa yang membolehkan ahli TPPA untuk memberikan notis enam (6) bulan untuk menarik diri dari TPPA.

6. Bagaimanakah cara Kerajaan untuk mengawal harga siling bagi ubat-ubatan yang dipatenkan?

- Buat masa ini Kerajaan tidak mengenakan kawalan ke atas harga ubat. Namun, adalah penting untuk umum mengetahui bahawa perjanjian TPP tidak akan menyekat Kerajaan sekiranya Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan dasar kawalan harga ke atas ubat-ubatan.

7. Apakah kesan sekiranya TPPA melarang kawalan ke atas aliran keluar modal jangka pendek?

- TPPA membenarkan langkah-langkah kawalan aliran modal jangka pendek.

8. Adakah anda sedar bahawa Kerajaan telah meletakkan halangan terhadap import minyak sawit dan apakah justifikasi halangan tersebut kerana ia telah menyebabkan kesukaran kepada mereka yang terlibat dalam industri ini.

- Isu tidak berkaitan dengan TPPA. Namun dasar tersebut bertujuan untuk melindungi industri dan sekiranya perlu dasar tersebut akan dikaji semula.

9. Bab pelaburan (*investment chapter*) menyatakan tiada halangan kepada negara-negara TPPA untuk melaksanakan langkah-langkah memastikan aktiviti pelaburan tidak menjejaskan kawal selia terhadap persekitaran, kesihatan dan lain-lain, namun langkah-langkah ini perlu konsisten dengan bab tersebut, termasuk larangan syarat-syarat tertentu. Bukankah ini telah menyangkal peruntukan dalam bab tersebut?

- Mengenai bab pelaburan, langkah-langkah pengawal seliaan (seperti pengawalan persekitaran) perlu selaras dengan prinsip dalam bab tersebut, seperti prinsip tanpa diskriminasi, memandangkan langkah-langkah pengawal seliaan mempunyai objektif tertentu dan tidak bertujuan untuk memberi layanan yang berbeza antara pelaburan asing dan pelaburan tempatan.

10. Walaupun terdapat peruntukan untuk pengecualian terhadap beberapa perkara, negara masih boleh terdedah kepada polisi-polisi lain. Ini menunjukkan bahawa hanya penambahbaikan prosedur dan bukan mengenal pasti kelemahan asas ISDS.

- Mengenai ISDS, penambahbaikan prosedur telah dilakukan bagi menangani kelemahan asas yang telah dikenal pasti. Kepentingan negara akan dilindungi daripada ancaman tuntutan remeh akibat penambahbaikan prosedur.

- 11. Bantah TPPA tidak menentang perdagangan bebas namun mempunyai kekhawatiran terhadap bab pelaburan dan ISDS yang mungkin akan menimbulkan isu kehilangan demokrasi dan kedaulatan negara.**

Bantah TPPA merasakan *carveout* berkaitan rapat dengan agenda Bumiputera tidak mencukupi dan tidak berkesan seperti contoh pemberian lesen dan permit. Dalam bab 3 kepada RMK-11, penekanan tidak diberikan kepada perolehan Kerajaan ataupun SOEs tetapi langkah-langkah untuk mengukuhkan agenda Bumiputera.

Sehubungan itu, Bantah TPPA berpendapat bahawa peruntukan bagi melindungi agenda Bumiputera dalam TPPA adalah tidak mencukupi.

- Maklumat-maklumat berkaitan dengan agenda Bumiputera dalam TPPA seperti di **Lampiran I**.

- 12. Mengenai kemasukan ubat-ubatan generik, kita perlu berhati-hati dalam memasukkan terma ke dalam perjanjian tersebut memandangkan kita ingin menerima faedah daripada akses kepada ubat-ubatan secara cepat dan juga mudah, dan tidak terhad kepada ubat-ubatan generik tempatan dan ubat-ubatan generik yang diimport.**

- Terma TPPA adalah neutral dan ia tidak akan mengubah sama sekali dasar sedia ada Kerajaan mengenai ubat-ubatan generik tempatan atau ubat-ubatan generik yang diimport dari luar negara.

13. Artikel 2.29 mengenai GMOs telah menetapkan piawaian yang lebih rendah daripada piawaian Cartagena Protocol on Biosafety dan juga piawaian keselamatan makanan yang lain.

- Akta sedia ada berkenaan bio-keselamatan menetapkan standard yang lebih tinggi daripada yang di dalam TPPA. Namun begitu, setiap ahli TPPA dibenarkan untuk mengekalkan standard sedia ada.

14. Mengapakah Malaysia perlu menerima UPOV 1991?

- Penerimaan UPOV 1991 oleh Malaysia bertujuan untuk menggalakkan petani mendapatkan akses kepada varieti tumbuhan baru seperti pelbagai biji benih varieti baru yang dijangka akan dapat meningkatkan hasil disebabkan inovasi yang telah dilaksanakan ke atas benih-benih tersebut. Petani Malaysia juga boleh mendaftar varieti tumbuhan yang dihasilkan untuk mendapatkan perlindungan.

15. Bab 17 mengenai SOEs menyatakan ahli tidak boleh memberikan bantuan bukan komersial kepada SOEs berkenaan sekiranya ia akan menyebabkan kesan buruk terhadap syarikat asing. Adakah ini akan menyebabkan SOEs tidak boleh mendapatkan pembiayaan daripada syarikat induk pada kadar yang diutamakan?

- Peruntukan bantuan bukan komersial tidak menghalang pemberian bantuan bukan komersil sama ada daripada kerajaan kepada SOEs ataupun daripada satu SOE kepada SOE yang lain. Larangan hanya timbul sekiranya bantuan tersebut akan menyebabkan kesan buruk kepada ahli TPPA yang lain seperti contoh kesan kepada harga, pasaran saham dan lain-lain. Syarikat induk masih lagi boleh memberikan pembiayaan kepada SOEs.

16. Pihak MOPI menyatakan rasa penghargaan kepada Kerajaan kerana *final outcome* perjanjian TPP tidak menjejaskan industri farmaseutikal generik tempatan. Namun, pihak MOPI memohon untuk turut terlibat dalam perbincangan semasa melaksanakan TPPA.

- MITI akan menjemput semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan TPPA.

17. Berkenaan isu buruh, bagaimanakah TPPA dapat menyokong pewujudan peluang pekerjaan terutamanya bagi graduan kerana kebanyakan mereka telah tamat pengajian dalam bidang yang tidak sesuai dengan industri yang memerlukan?

- Tujuan *Labour Chapter* adalah untuk menetapkan piawaian bagi buruh semua negara TPPA. Bab tersebut tidak menyentuh aspek pewujudan peluang pekerjaan. Perkara ini akan diambil tindakan secara berasingan oleh Kementerian Sumber Manusia.

18. Bab 19 menyentuh berkenaan buruh paksa dan pada tahun lepas Malaysia telah diletakkan dalam Tier 3 di bawah undang-undang perdagangan manusia. Bagaimanakah kita dapat memastikan syarikat-syarikat yang mengambil pekerja asing dapat mematuhi peruntukan tersebut?

- *Side Letter* mengenai bab tersebut telah mengenal pasti isu-isu yang perlu ditangani seperti buruh paksa dan buruh kanak-kanak, pembayaran gaji minima, pergerakan buruh dan lain-lain. Kita juga perlu mempertingkatkan lagi penguatkuasaan bagi mengelakkan berlakunya perdagangan manusia.

19. Memandangkan terdapat jurang teknologi antara Malaysia dan Amerika Utara dalam industri automotif, adakah insentif/galakan akan diberikan kepada SMEs tempatan untuk membangunkan keupayaan dan membina kapasiti bersaing dalam pasaran yang luas.

- Pelbagai program dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu membina keupayaan SMEs. Di samping itu, kerjasama teknikal juga akan diadakan dengan bantuan negara TPPA yang lain, sepertimana dilaksanakan di bawah MAFTA.

20. Mengucapkan tahniah kepada MITI ke atas kejayaan menghabiskan rundingan TPPA. Minta penjelasan mengenai pengecualian Bumiputera dan SOEs, sama ada terdapat tempoh masa tertentu atau untuk selamanya, kerana bimbang sekiranya pengecualian adalah selamanya akan menjejaskan tujuan utama Malaysia menyertai TPPA untuk meningkat persaingan dan seterusnya daya saing negara.

- Selepas pelaksanaan TPPA terdapat beberapa pengecualian yang mempunyai tempoh had dan terdapat pengecualian tanpa had tempoh.

FLEXIBILITIES TO PURSUE BUMIPUTERA POLICY

I. SAFEGUARDING BUMIPUTERA POLICY IN THE TPP

a. NCM (non-conforming measures under the investment and services chapter)

- Bumiputera carve out from investment and services obligation with regard to preferential licences to Bumiputera; as well as introduction of subsidies and grants to meet Bumiputera development objectives.
- Petroleum Development Act – preserved power of PM to regulate the oil and gas sector, except for areas liberalized.
- Privatisation and divestment: flexibility for first sale and subsequent sale for “strategic sectors” – further flexibility as strategic sectors are not defined. In addition, if the sale is made from one SOE to another SOE, this will not be subjected to the obligations under both chapters.
- Specific sectors: Bumiputera policy is maintained based on current policy, for example distributive and retail trade
- Land: policies subject to State governments requirement and guidelines

II. GOVERNMENT PROCUREMENT (GP)

a. Threshold for entities:

- Malaysia is accorded transitional thresholds that will allow the Government to progressively liberalise the government procurement market over several years. Procurement below the thresholds is not covered under TPP.

- The thresholds for Malaysia are as the following:

ENTITIES	THRESHOLDS		
<p>A. Central Government Entities</p> <p>- Federal ministries and agencies</p>	<p><u>GOODS</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>1st - 4th year</u> SDR 1,500,000 (RM 7.5 million) • <u>5th - 7th year</u> SDR 800,000 (RM 4 million) • <u>8th year onwards</u> SDR 130,000 (RM 650,000) 	<p><u>SERVICES</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>1st - 4th year</u> SDR 2,000,000 (RM 10 million) • <u>5th - 7th year</u> SDR 1,000,000 (RM 5 million) • <u>8th - 9th year</u> SDR 500,000 (RM 2.5 million) • <u>10th year onwards</u> SDR 130,000 (RM 650,000) 	<p><u>CONSTRUCTION SERVICES</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>1st - 5th year</u> SDR 63,000,000 (RM 315 million) • <u>6th - 10th year</u> SDR 50,000,000 (RM 250 million) • <u>11th - 15th years</u> SDR 40,000,000 (RM 200 million) • <u>16th - 20th years</u> SDR 30,000,000 (RM 150 million) • <u>21st year onwards</u> SDR 14,000,000 (RM 70 million)

ENTITIES	THRESHOLDS		
B. Sub-Central Government Entities - State governments and local authorities	No commitments made		
C. Other Entities - Statutory bodies	<u>GOODS</u> <ul style="list-style-type: none"> • <u>1st - 4th year</u> SDR 2,000,000 (RM 10 million) • <u>5th - 7th year</u> SDR 1,000,000 (RM 5 million) • <u>8th year onwards</u> SDR 150,000 (RM 750,000) 	<u>SERVICES</u> <ul style="list-style-type: none"> • <u>1st - 4th year</u> SDR 2,000,000 (RM 10 million) • <u>5th - 7th year</u> SDR 1,000,000 (RM 5 million) • <u>8th - 9th year</u> SDR 500,000 (RM 2.5 million) • <u>10th year onwards</u> SDR 150,000 (RM 750,000) 	<u>CONSTRUCTION SERVICES</u> <ul style="list-style-type: none"> • <u>1st - 5th year</u> SDR 63,000,000 (RM 315 million) • <u>6th - 10th year</u> SDR 50,000,000 (RM250 million) • <u>11th - 15th year</u> SDR 40,000,000 (RM200 million) • <u>16th - 20th year</u> SDR 30,000,000 (RM150 million) • <u>21st year onwards</u> SDR 14,000,000 (RM70 million)

Note: Thresholds are quoted in IMF Special Drawing Rights (SDR). Value in Ringgit Malaysia (SDR1 = RM5) is for comparison purposes only and subject to exchange rates.

b. Are all government agencies subjected to the GP obligations?

- All Ministries **based on agencies listed under the respective Ministries** are subjected to the GP obligations.
- For statutory bodies, **only four (4) statutory bodies** are subjected to the GP obligations.
- All state governments, local authorities and government companies are **not subjected to the GP obligations**.

c. How is Bumiputera policy being preserved?

- **For procurement that is not covered under TPP**, Government may introduce any GP measures to support the development of Bumiputera companies.
 - Some examples on procurement that are not covered under TPP as described under paragraph (d) below on safeguards for Malaysia.
- **For construction:**
 - Grade 1 (Class F) to Grade 6 (Class B) projects are excluded.
 - Some projects for Grade 7 (Class A) which are below the threshold will not be covered since Malaysia's construction threshold is higher than other countries.
 - **30% set aside for Bumiputera contractors** for procurement above the threshold in construction services.

- **For goods and services:**

- Central Contract on existing items.
- Bumiputera suppliers & manufacturers are eligible to enjoy price preference for goods and services as follows:

- (i) **Category 1:**

Bumiputera suppliers providing goods and services originating from any TPP Parties, price preference is based on the following schedule:

Procurement Value	Percentage of price preference for Category 1
Above RM500,000 – RM1.5 million	7%
Above RM1.5 million – RM5 million	5%
Above RM5 million – RM10 million	3%
Above RM10 million – RM15 million	2.5%
Above RM15 million	0

(Note: This is the current price preference for Bumiputera suppliers)

(ii) **Category 2:**

Bumiputera suppliers providing goods and services originating from countries other than TPP Parties, price preference is based on the following schedule:

Procurement Value	Percentage of price preference for Category 2
Above RM500,000 – RM1.5 million	3.5%
Above RM1.5 million – RM5 million	2.5%
Above RM5 million – RM10 million	1.5%
Above RM10 million – RM15 million	1.25%
Above RM15 million	0

(iii) **Category 3:**

Bumiputera manufacturers that produce goods, price preference is based on the following schedule:

Procurement Value	Percentage of price preference for Category 3
Up to RM10 million	10%
Above RM10 million – RM100 million	5%
Above RM100 million	3%

d. What are the safeguards for Malaysia?

- Malaysia obtained a **number of exclusions from GP obligations**. Among the main exclusions are:
 - (i) Entities that are not offered:
 - Some federal agencies
 - All state governments and local authorities
 - Most statutory bodies
 - All government companies
 - (ii) Procurement below thresholds.
 - (iii) Procurement in relation to:
 - Essential security interests

- Rural development and poverty eradication programmes
- Program Perumahan Rakyat
- Public Private Partnership (PPP) contracts
- Dredging services and slope works for construction services
- Religious purposes
- Local handicraft, national treasures and national heritage

III. STATE-OWNED ENTERPRISES (SOEs)

- Malaysia's Country Specific Annex preserves policy space for SOEs to continue participating in Bumiputera Policy related programs such as Vendor Development Program.
- Flexibilities are accorded to all SOEs to give preference to Bumiputera enterprises in their purchase of goods and services. This is a cumulative preference (Bumiputera Policy, entities located in Sabah and Sarawak and SME) up to 40 percent of the annual budget for purchases of goods and services.
- Institutions such as MARA, Ekuinas and Teraju can continue to provide preferences in their purchase of goods and services to Bumiputera entities without any limitations.
- The Government can continue to provide non-commercial assistance to SOEs in pursuance of Bumiputera Policy without any restrictions/disciplines imposed. This is with respect to the production and sale of a good by SOEs in competition with a like good produced and sold by a covered investment in the territory of Malaysia and for services provided by SOEs in Malaysia.

IV. SMALL MEDIUM ENTERPRISES (SMEs)

a. Market Access

- Malaysia's 350,000 SMEs account for 97.3% of all businesses in Malaysia contributing 35.9% of GDP.
- SMEs that export tends to grow even faster, create more jobs, and pay higher wages than similar businesses that do not trade internationally.
- Through the TPP, Malaysian SMEs will now have additional market access to countries where Malaysia does not have any FTAs namely The United States, Peru, Mexico and Canada.

b. Enhance Use for Culmination of Raw Materials and Inputs

- With cumulation of raw materials via TPP countries, Malaysian SMEs will be able to source from 11 countries expanding the selection or choice of materials to meet demands for export to TPP countries.

c. SME Friendly Rules of Origin

- On Rules of Origin (ROO), TPP has made it easier for SMEs to choose a rule from among several options that will be applicable for its exports.
- Self-Certification makes it easier and less costly for SMEs when preparing the necessary documentation to apply for preferential tariff.
- The ROO chapter also promotes remanufacturing activities by SMEs facilitating through a clear and standardize definition and rule of origin for remanufacturing.

d. Elimination of Tariffs and Non-Tariff Barriers

- One of the biggest TPP benefit attainable by Malaysian SMEs is the elimination tariff and non-tariff barriers, streamlining of customs procedures, strengthening intellectual property protection, promoting e-commerce, and developing more efficient and transparent regulatory regimes.

e. Chapter Specific for SME

- The TPP also include a first-ever **specific chapter on SMEs** focusing on addressing issues that create particular challenges for SMEs.
- TPP members must provide access to information for SMEs on utilizing FTAs. Access to information has been a problem for SMEs and can be very costly.
- Establishment of a regular review mechanism in ensuring that TPP is providing the needed benefit for SMEs.

f. Government Procurement

- preferential access to government procurement for SMEs, as well as under the SOE chapter.

g. Textiles

- The yarn forward rule ensures that use of TPP originating yarn and fabric are given priority over non-TPP imports. SMEs are able to enhance their production capacity to supply the respective textile and apparel inputs among TPP countries.